Buletin KUALITI Hospital Melaka

Edisi 1:2013

Tahniah!!

Anugerah Emas KIK Jabatan Pediatrik



Ahli Kumpulan Kejora yang memenangi Anugerah Emas dalam Konvensyen KIK Sektor Awam Peringkat Negeri Melaka baru-baru ini

MELAKA 27 Feb. - Jabatan Pediatrik Hospital Melaka telah mencipta sejarah tersendiri apabila memperoleh Anugerah Emas bagi Kategori Teknikal dalam Konvensyen KIK Sektor Awam Peringkat Negeri Melaka 2013.

Ketua Jabatan Pediatrik Hospital Melaka, Dr. Tam Pui Ying berkata, pencapaian Kumpulan Kejora ini amat membanggakan kerana dapat menaikkan nama Jabatan beliau disamping mengharunkan nama hospital. Hasil usaha gigih serta sikap dedikasi dan kerjasama semua ahli kumpulan menyumbang kepada kejayaan kumpulan ini. Tambahan pula kumpulan ini tidak pernah didedahkan dengan konsep KIK tetapi telah berjaya membuktikan kebolehan mereka walaupun membentuk pasukan dalam masa yang singkat.





Menurutnya lagi, Kumpulan Kejora membentangkan projek **'Comfy-Cozy Nest'**. Menerusi projek ini, berat badan bayi dapat dikekalkan sekiranya bayi kurang bergerak kerana bayi mempunyai 'Brown Fat' untuk membantu memanaskan badannya. Sekiranya bayi tidak selesa dan banyak bergerak, kehilangan 'Brown Fat' akan mengakibatkan bayi menggunakan tenaga yang banyak untuk memanaskan badannya dan akan mengakibatkan kehilangan berat badan. Selain itu, melalui projek ini dapat mengurangkan kelewatan untuk meningkatkan berat badan bayi pramatang, menjimatkan kos perbelanjaan pesakit serta dapat menjimatkan masa.

AKREDITASI

1 – 2 Apr. – Hospital Melaka telah menjalankan *Internal Survey Accreditation* Tahun 2013 ke atas semua jabatan dan unit. *Internal survey* tersebut dijalankan oleh auditor yang terdiri daripada jabatan dan unit yang berlainan.

22 – 23 Apr. – Hospital Melaka telah dinilai oleh *MSQH (Malaysian Society of Quality in Health)*. Pasukan surveyor yang terdiri daripada 3 orang, telah menilai perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di Hospital Melaka. Kriteria kepatuhan kepada standard dilihat melalui 5 skop iaitu:

1. **Organisasi dan Pengurusan Hospital**
2. **Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia**
3. **Polisi dan Prosidur**
4. **Kemudahan dan Peralatan**
5. **Keselamatan dan Aktiviti Peningkatan Kualiti**

Aspek kualiti, keselamatan pesakit, petugas, fasiliti dan persekitaran adalah diutamakan.



Jawatankuasa Buletin Kualiti :

1. *Dr. Zarina bt Shahrom@Sahrom (Pengerusi)*
2. *Norhanizan bt Baharuddin (IT)*
3. *Nor Izazaya bt Md Desa (IT)*
4. *Haji Abdull Kahar Bibon (KIK)*
5. *Mohd Azlan Shah Mohd Salleh (Pediatrik)*
6. *Habibah Salleh (Inovasi)*

MKSP



Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Hospital Melaka telah diadakan dua kali setahun iaitu MKSP Bil.2/2012 pada 25 Februari 2013 dan MKSP Bil.1/2013 pada 24 Julai 2013. Mesyuarat ini yang diadakan di Auditorium Sri Baiduri Hospital Melaka telah dipengerusikan oleh Pengarah Hospital Melaka dan dihadiri oleh semua ketua jabatan dan unit. Antara agenda mesyuarat ini adalah:

1.	Pembentangan Penemuan Audit Dalaman
2.	Pembentangan Laporan Aduan Pelanggan
3.	Pembentangan Kajian Kepuasan Pelanggan
4.	Pembentangan Laporan Insiden
5.	Pembentangan Laporan Keberkesanan Latihan
6.	Pembentangan Laporan Status BEMS dan FEMS
7.	Pembentangan Laporan Kawalan Infeksi
8.	Pembentangan Laporan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA)
9.	Pembentangan Laporan Pencapaian Performance Indicator



Portal Hospital Melaka telah mendapat penarafan 5 bintang dalam MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS AND WEBSITES ASESSEMENT (MGPWA) 2013 dan tempat kedua dalam Pertandingan Portal peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Melaka 2013.

MS ISO 9001:2008

24 – 26 Jun – Bengkel Audit Dalaman MS ISO 9001:2008 Hospital Melaka anjuran Unit Inovasi dan Jawatankuasa MS ISO 9001:2008 Hospital Melaka diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada juruaudit tentang kriteria-kriteria pengauditan, perancangan serta persediaan dalam pengauditan serta aspek pengauditan yang baik. Bengkel ini diadakan di Auditroium Sri Baiduri Hospital Melaka dan dihadiri oleh pakar perubatan, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat terlatih, pegawai pemulihan carakerja serta wakil-wakil dari setiap jabatan dan unit.

Program-program MS ISO lain yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Tarikh	Program
5 Jun	Kursus Awareness MS ISO
26 – 27 Feb	Bengkel Prosedur Kualiti
23 – 24 Sept	Audit Pematuhan SIRIM

26 – 28 Jun – Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2008 Bil.1/2013 Hospital Melaka telah berlangsung di Auditorium Sri Baiduri Hospital Melaka selama tiga hari bertujuan untuk memastikan proses dokumentasi dipatuhi dan dijalankan secara berterusan oleh semua jabatan dan unit di Hospital Melaka. Audit Dalaman ini diketuai oleh Dr. Hasmah binti Hashim dan dibantu oleh lapan orang ahli jawatankuasa yang lain.

KEY PERFORMANCE INDICATOR

18 – 19 Nov. – Audit Dalaman KPI diadakan untuk memastikan pengumpulan data dijalankan secara berterusan oleh setiap jabatan dan unit di Hospital Melaka.

26 Nov. – Audit KPI Hospital Melaka telah dijalankan oleh auditor dari Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Hospital Jasin.



Setinggi tahniah dan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam menerbitkan buletin ini.